

Massutra dibawa dalam mesyuarat

24 OCT 1986
agung

PENCARI SILAT

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan membawa perkara Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional (Massutra) untuk dibincangkan dalam mesyuarat agung dwithanunnya pada Ahad ini.

Mereka akan membincangkan apakah sumbangan selanjutnya yang boleh diberikan oleh Persisi sebagai salah sebuah badan pendiri Massutra itu.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff berkata bahawa perkara itu perlu dibincangkan sekali-pun mereka tidak tahu kedudukan Massutra sekarang.

"Apakah kedudukan Massutra dalam Perkampungan Melayu tidak lagi kami ketahui perkembangannya. Tetapi setakat ini Persisi telah menyiapkan rakaman video tentang pelbagai perguruan silat yang boleh ditayangkan di Perkampungan Melayu itu," tambah Encik Johari lagi.

Video yang telah disiapkan itu mengandungi persembahan silat dari perguruan Al-Haq, Bawean Asli, endeng Belalang, Setia 'ti, Setia Bakti, Panca ti, Seni Silat Gayung Pencal Sunda.

Encik Johari juga ber-Persisi kini sedang okan pula sebuah ngenai silat untuk kan kepada Per-

an Melayu.



• HAJI ABDUL RAHIM
Menggantikan Dr Haji
Ya'acob Mohamed

Hj Rahim dilantik presiden baru

28 OCT 1986

HAJI Abdul Rahim Da-
yan telah dipilih de-
ngan sebulat suara
menjadi Presiden Persi-
si.

Beliau adalah 'orang la-
ma' dalam pergerakan
Persisi dan juga merupakan
salah seorang pengga-
sas persekutuan itu.

Pemilihan dalam me-
syuarat agung Ahad lepas
itu dengan sendirinya me-
matikan desas-desus baha-
wa seorang Anggota Parli-
men akan dilantik untuk
memenuhi jawatan yang
dikosongkan oleh Dr
Haji Ya'acob Mohamed.

Seorang lagi anggota
penggasas yang telah me-
megang jawatan sebagai
setiausaha agung sejak
penubuhannya 10 tahun la-
lu, Encik Johari H.M.
Uriff, telah dipilih lagi un-
tuk meneruskan tugas
yang sama bagi penggal
dua tahun lagi.

Timbalan Presiden di-
sandang oleh tokoh lama
di Persisi, Haji Ismaon
Haji Ali, juga penggasas
Persisi sementara naib
presidennya ialah Encik
Md Seain Madsom.

Penolong Setiausaha
Agung ialah Encik A. Shukor Rais; Bendahari, En-
cik Tumiran Tangat dan
Penolong Bendahari, Cik
Shaifa M. Ashraf.

Haji Rais Taib dan En-
cik Md Razif Ismaon telah
dipilih menjadi juruaudit
persekutuan tersebut.

Anggota-anggota lain ja-
watankuasa Persisi ialah
Cik Shamsiah Hosni, Encik
Omar Md Dali, Encik Le-
man Ahmad, Haji Mohd
Jaafar, Haji Osman Sujak,
Haji Suib Selamat, Encik
Khamin Said, Cik Zubeda
dan Haji Mohd Sadli
Mohd.